



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PEMBELI MENERIMA KUNCI RUMAH 9 BULAN LEBIH AWAL DARI JADUAL ASAL RUMAWIP RESIDENSI PANDANMAS

**KUALA LUMPUR, 23 September 2016** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor menyempurnakan Majlis Penyempurnaan Struktur Binaan Projek Residensi PandanMas di sini. Projek ini merupakan projek di bawah Dasar RUMAWIP yang dilaksanakan secara perkongsian strategik di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Syarikat Faber Vista Sdn.Bhd. dalam membangunkan rumah mampu milik pada harga di bawah RM300,000.00 kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana.

2. Projek Residensi PandanMas ini menawarkan sejumlah 700 unit pangsapuri dengan keluasan 850 kaki persegi pada harga jualan RM280,000.00 seunit dan 900 kaki persegi pada harga jualan RM300,000.00 seunit. Kedua-dua jenis kediaman ini mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air beserta 1 parkir kereta berbungung. Projek ini merangkumi 2 blok pangsapuri setinggi 28 tingkat yang mempunyai reka bentuk menarik dengan kemudahan bertaraf kondominium.

3. Residensi PandanMas adalah merupakan antara projek RUMAWIP pertama yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan dan dijangka siap 9 bulan lebih awal iaitu pada bulan Mac 2017. Kesinambungan projek ini adalah Projek Residensi PandanMas 2 yang merupakan projek fasa ke 2 yang dibangunkan bersebelahan dengan Residensi PandanMas 1 bagi membantu menyelesaikan masalah setinggan yang terlibat di atas tapak pembangunan projek RUMAWIP. Residensi PandanMas 2 ini menawarkan

sejumlah 1,920 unit rumah mampu milik manakala 300 unit rumah kos sederhana rendah pula ditawarkan kepada penduduk setinggan terlibat pada harga RM42,000 seunit.

4. Keistimewaan projek RUMAWIP ini selain kemudahan yang lengkap ia juga menawarkan pelbagai insentif menarik bagi warga Wilayah Persekutuan. KWP sedang diperingkat penyelarasan dengan Bank Negara Malaysia serta bank-bank tempatan lain dalam mencari kaedah yang boleh membantu pembeli mendapatkan pinjaman perumahan yang boleh mencapai sehingga 100%. Langkah ini adalah bagi mengelakkan berlakunya kegagalan dalam mendapatkan pinjaman. Selain itu, had umur kelayakan RUMAWIP telah dipinda daripada 21 tahun ke atas kepada 18 tahun ke atas bagi menggalakkan golongan muda memiliki rumah. Manakala penambahbaikan syarat kelayakan pendapatan isi rumah dari RM6000 sebulan kepada RM10,000 sebulan bagi bujang dan RM15,000 bagi berkeluarga. Kaedah sistem *First-Come, First-Served* diperkenalkan bagi memberi peluang kepada pembeli menentukan sendiri pilihan mereka berbanding sistem pengundian yang digunakan oleh skim-skim lain selain RUMAWIP.

5. Projek RUMAWIP merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan menyasarkan pembangunan sebanyak 80,000 unit rumah di seluruh Wilayah Persekutuan dalam tempoh 5 tahun ini. Pencapaian pelaksanaan RUMAWIP di Wilayah Persekutuan sehingga September 2016 adalah sebanyak 45,123 unit atau 56% daripada sasaran keseluruhan. Secara keseluruhannya Dasar RUMAWIP mampu membantu golongan sasaran untuk memiliki kediaman di Wilayah Persekutuan dengan tawaran yang berpatutan pada harga yang rendah berbanding pasaran.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

23 September 2016

Kuala Lumpur